

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (KUALA SELANGOR/TANJUNG KARANG)

TARIKH: 26 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 22

Proses kelulusan akhir

Bangunan lama SMK Sungai Burong dimanfaatkan untuk TVET

ARZIANA MOHMAD
AZAMAN



TANJONG KARANG

NOH

Bangunan lama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Burong masih dalam proses kelulusan akhir untuk dijadikan pusat latihan Pendidikan Teknikal dan Kemahiran Vokasional (TVET) di Parlimen Tanjung Karang.

Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar menjelaskan, cadangan untuk memanfaatkan bangunan

sekolah itu sebagai pusat latihan TVET secara dasarnya sudah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, kos peruntukan juga sudah diluluskan bagi membaik pulih bangunan sejajar dengan keperluan kursus TVET yang akan ditawarkan nanti.

"Sudah menjadi harapan saya untuk melihat bangunan sekolah ini dimanfaatkan kerana jika dibiarkan begitu sahaja satu pembaziran.



Bangunan lama SMK Sungai Burong yang akan dijadikan Pusat Latihan TVET Parlimen Tanjung Karang.

"Wujudnya pusat latihan TVET ini akan membuka lebih banyak ruang kepada anak penduduk untuk mengikuti kursus yang boleh menjamin kerjaya mereka selepas tamat belajar nanti," katanya.

Beliau berkata demikian

selepas mengulas perkembangan terkini bangunan lama SMK Sungai Burong yang sehingga kini masih terbiar meskipun sebelum ini ada cadangan untuk dijadikan sekolah abad ke-21.

Mengulas lanjut, katanya, banyak perancangan dan

cadangan dibangunkan bagi membolehkan bangunan sekolah itu dimanfaatkan dengan baik.

"Asalnya, perbincangan dengan jabatan pendidikan negeri sudah dibuat sebelum ini dan masing-masing secara dasarnya bersetuju Selangor

menjadi perintis bagi pelaksanaan konsep pembelajaran bestari.

"Bagaimanapun, wujud kekhawatiran untuk pelaksanaan sekolah abad ke-21. Saya harap cadangan terakhir untuk pusat latihan TVET ini dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir merasmikan Mesyuarat Agung PIBG SK Sungai Burong dan menyempurnakan simbolik perasmian Surau As Sakinah SK Sungai Burong, semalam.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor, Marpuaton Sasiero berkata, pusat latihan TVET itu nanti akan menawarkan kursus yang belum dilaksanakan di Kolej Vokasional Bestari Jaya.

"Jenis kursus masih dalam perbincangan dan dianggarkan pusat latihan TVET itu nanti boleh memuatkan kapasiti 200 pelajar," katanya.